



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH  
PERTANDINGAN KEBUN KEJIRANAN  
SEBERANG PERAI

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**01 DISEMBER (AHAD)**  
**2.30 PETANG**

**DEWAN ORANG RAMAI,**  
**TAMAN DESA DAMAI**  
**BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani Binti Hj Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Shen Set Ho**

Pengarah Urusan

Shence International (M) Sdn. Bhd.

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Peserta Pertandingan Kebun Kejiranan Seberang Perai**

**Penduduk Taman Desa Damai, Bukit Mertajam**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebun Kejiranan Kawasan Seberang Perai 2019 anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama Shence International (M) Sdn. Bhd. di Dewan Orang Ramai Taman Desa Damai, Bukit Mertajam.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berusaha Encik Shen Set Ho, Pengurus Urusan Shence International (M) Sdn. Bhd. yang telah sudi menaja hadiah-hadiah wang tunai dan menjadi rakan penaja dalam pelaksanaan program Pertandingan Kebun Kejiranan Kawasan Seberang Perai 2019. MBSP amat berterima kasih kepada Shence International (M) Sdn. Bhd. di atas sokongan padu dalam memperkasakan usaha-usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan masyarakat dan warga Seberang Perai. Diharap penajaan seumpama ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program-program anjuran MBSP.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada komuniti-komuniti kebun kejiranan, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bersama-sama memeriahkan majlis kita pada petang ini.

**Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Pada tanggal 16 September 2019 (Isnin), Seberang Perai telah mencipta satu sejarah baru dengan pengisytiharan sebagai sebuah bandaraya. Dengan pengisytiharan ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global kurang daripada 1.5 °C.

Saya memahami sasaran yang ditetapkan adalah tinggi untuk dicapai. Bagaimanapun, demi kesejahteraan rakyat, seluruh warga kerja MBSP berjanji memastikan sasaran tersebut dicapai dan menjadikannya satu kontrak sosial yang dilaksanakan secara bersama dengan rakyat dan *stakeholders*. Justeru itu, MBSP amat komited untuk: -

- I. Seiring dengan *Penang2030* iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”;
- II. Menjadi sebuah Bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon;
- III. Menjadi sebuah Bandaraya berdaya tahan;
- IV. Menjadi sebuah Bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat; dan
- V. Menjadi sebuah Bandaraya kompetitif dan pembangunan Bandar Pintar.

Bagi mencapai sasaran ini untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022, MBSP telah menetapkan lima (5) strategi iaitu:-

- (i) **Strategi 1** : Pengangkutan Hijau (*Low Emission Transportation*)
  
- (ii) **Strategi 2** : Bangunan Hijau (*Low Emission Building*)
  
- (iii) **Strategi 3** : Infrastruktur Hijau (*Low Emission Infrastructures*)
  
- (iv) **Strategi 4** : Penghasilan dan Penggunaan Mampan (*Sustainable Production and Consumptions*)
  
- (v) **Strategi 5** : Kehijauan dan Penyerapan (*Greenery and Sequestrations*)

Justeru, salah satu hala tuju MBSP adalah untuk mencapai Kadar Kitar Semula sebanyak 70% dan pengurangan 50% per kapita penghasilan sampah pada tahun 2022. Hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan Seberang Perai telah berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu 47.15% pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 3.9% dari tahun 2017.

Selain itu, kadar per kapita sampah yang dihasilkan didapati berkurangan daripada 1.6 kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09 kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8 kg/orang/hari serta dapat mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada 8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita kepada 4.65 tan CO<sub>2</sub>e per kapita pada tahun 2022. Ini semua adalah hasil daripada pelbagai program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy* yang rancak dilaksanakan di Seberang Perai. Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada anda semua dan semua komuniti Seberang Perai. Kita berada dilandasan yang betul.

**Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Pada Tahun 2008, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperkenalkan Program Bumi Hijau sebagai langkah menggalakkan rakyat menyediakan bahan makanan sendiri melalui “tanam, ternak dan makan sendiri”. Untuk tujuan pelaksanaan Program Bumi Hijau di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 5 Tahun 2008 yang bertajuk “Pelaksanaan Program Bumi Hijau oleh PBT” yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2008 telah diedarkan untuk menjadi panduan pelaksanaan. Program ini secara tidak langsung menggalakkan penduduk tempatan daripada kalangan yang berpendapatan rendah untuk memperoleh pendapatan tambahan melalui kegiatan bercucuk tanam bagi menampung keperluan harian keluarga.

Salah satu program yang dibangunkan di bawah Program Bumi Hijau oleh PBT adalah Kebun Kejiranan yang merupakan aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan perumahan atau perkampungan oleh komuniti. Ia menggalakkan pengeluaran makanan tempatan yang dapat menjamin kesegaran makanan, menghasilkan pelbagai jenis tanaman, menyokong pembangunan ekonomi tempatan (*Local Economy Development*) dan menggalakkan pertanian yang berasaskan komuniti.



Program Kebun Kejiranan atau juga dikenali sebagai *Urban Farming* adalah tertumpu kepada pengamalan pertanian organik yang merupakan tanaman alternatif menggunakan bahan beracun terhadap tumbuhan. Pertanian organik menolak penggunaan baja sintetik, racun perosak dan tumbuhan yang diubahsuai secara genetik yang dapat meminimumkan kesan buruk terhadap alam sekitar.

Di Malaysia, pertanian organik telah lama diamalkan apabila petani menggunakan baja dalam bentuk kompos yang dihasilkan daripada produk sampingan pertanian yang mempunyai material yang lebih organik. Aktiviti pertanian organik didapati berkembang dengan pesatnya dengan bilangan petani meningkat daripada 900 pada tahun 2010 kepada 1,500 pada tahun 2012. Pada tahun 2014, 1,700 hektar tanah telah dikategorikan sebagai kawasan pertanian organik yang menghasilkan sayur-sayuran dan buah-buahan. Walaupun permintaan terhadap makanan organik di Malaysia semakin meningkat, tetapi tanah yang digunakan dalam pertanian organik adalah hanya dianggarkan seluas 2,700 hektar di seluruh Malaysia.

Pertumbuhan pertanian organik adalah dipengaruhi oleh permintaan yang tinggi oleh pengguna baik di peringkat tempatan mahu pun di peringkat antarabangsa akibat daripada kesedaran terhadap kualiti dan keselamatan

makanan. Permintaan hasil pertanian organik di Malaysia dijangkakan akan terus berkembang sebanyak 12.4% setahun dengan nilai melebihi RM20 juta setahun.

Di Seberang Perai terdapat lima (5) pengusaha komersial berdaftar [satu (1) di Seberang Perai Utara, satu (1) di Seberang Perai Tengah dan tiga (3) di Seberang Perai Selatan] yang mengamalkan pertanian organik. Kawasan pertanian organik ini merangkumi keluasan 8.13 hektar dan tertumpu kepada penanaman sayur-sayuran dan cendawan.

**Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,**

Pertandingan Kebun Kejiranan Kawasan Seberang Perai 2019 telah disempurnakan dan dilancarkan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 21 Februari 2019. Pertandingan ini julung kali dianjurkan oleh Pasukan Kerja LA21 MPSP dan ditaja oleh Shence International (M) Sdn. Bhd. Ianya diadakan bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti dan penambahbaikan pencapaian

komuniti yang cemerlang dalam penjagaan alam sekitar dan kemampuan komuniti.

Objektif penganjuran Pertandingan Kebun Kejiranan Kawasan Seberang Perai 2019 adalah untuk:-

- i. Memanfaatkan tanah kosong untuk menanam sayur-sayuran;
- ii. Menggalakkan penduduk setempat untuk menghasilkan bahan makan untuk keperluan harian;
- iii. Mengurangkan kos sara hidup komuniti setempat;
- iv. Meningkatkan minat golongan muda terlibat di dalam sector pertanian; dan
- v. Memanfaatkan penggunaan teknologi terkini dalam projek pertanian yang diusahakan.

Melalui pertandingan ini, komuniti digalakkan menanam sayur-sayuran di dalam kawasan seluas 30 meter persegi atau kurang. Setiap komuniti yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini diberikan kompos seberat 50 kilogram (kg) sebagai insentif bagi menggalakkan mereka menanam sayur-sayuran secara organik. Justeru, melalui pertandingan ini adalah diharapkan tanah-tanah lapang yang terbiar di sekitar Seberang Perai boleh diusahakan sebagai Kebun Kejiranan.

Di Seberang Perai, sehinggalah ini terdapat 30 komuniti yang terlibat dalam Program Kebun Kejiranan MBSP di 11 komuniti adalah daripada Seberang Perai Utara, 12 komuniti daripada Seberang Perai Tengah dan tujuh (7) komuniti daripada Seberang Perai Selatan. Adalah diharapkan tanah lapang yang terbiar boleh diusahakan bagi kebun kejiranan. MBSP dan Jabatan Pertanian sedia membantu komuniti membuat kompos untuk kegunaan tanaman organik - makan sihat, badan sihat, jimat wang dan akhirnya membantu pengurangan jejak karbon. Program kebun kejiranan merupakan satu usaha untuk menggalakkan penjagaan kebersihan dan penghijauan serta penglibatan komuniti serta dapat menjana pendapatan komuniti (*Local Economic Development*).

Antara kriteria pemilihan dinilai berdasarkan pemantapan pengurusan ladang, produktiviti yang baik, penggunaan teknologi, pengalaman pertanian

baik, pemasaran, keadaan fizikal projek dan aspek-aspek berkaitan. Syarat-syarat penyertaan dalam Pertandingan Kebun Kejiranan Kawasan Seberang Perai 2019 adalah:-

- i. Terbuka kepada semua projek kebun kejiranan komuniti di Seberang Perai;
- ii. Projek mestilah berdaya maju dan aktif dilaksanakan sekurang-kurangnya dalam tempoh sembilan (9) bulan;
- iii. Keluasan kawasan adalah minima 30 meter persegi dan tiga (3) orang peserta;
- iv. Penyertaan pertandingan perlu menggunakan Borang Pertandingan rasmi;
- v. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 30 April 2019 ;

Pihak Shence International (M) Sdn. Bhd. telah sudi menaja hadiah-hadiah kemenangan pertandingan. Hadiah-hadiah yang disediakan adalah dalam bentuk wang tunai:-

- i. Johan: RM1,000.00 dan sijil kepujian;
- ii. Naib-Johan: RM800.00 dan sijil kepujian;
- iii. Ketiga: RM500.00 dan sijil kepujian
- iv. Dua (2) Hadiah saguhati: RM300.00 dan Sijil kepujian
- v. Semua peserta kebun kejiranan akan diberi sijil penyertaan serta kompos semasa pendaftaran.

Penilaian pertandingan telah diadakan dalam bulan Oktober 2019 dan hari ini merupakan Majlis Penyampaian Hadiah Kemenangan. Senarai pemenang akan dimaklumkan selepas ini. Saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Shence

International (M) Sdn. Bhd. di atas penajaan hadiah-hadiah kemenangan dan juga kompos yang diberikan kepada kesemua peserta.

Saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada para peserta yang telah berjaya dalam Pertandingan Kebun Kejiranan MBSP 2019 yang akan diumumkan sebentar lagi. Bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, walaupun tidak berjaya, anda semua sebenarnya telah Berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Saya berharap ianya dapat memberi inspirasi kepada semua untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Diharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat ramai lagi di kalangan warga Seberang Perai untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya. Saya merasa amat bangga atas penglibatan komuniti-komuniti di Seberang Perai dalam menjayakan program ini ke tahap yang membanggakan. Saya amat mengharapkan agar pertandingan ini dapat dijadikan acara tahunan dan dapat menarik lebih ramai komuniti untuk turut serta dalam mengamalkan kebun kejiranan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitian evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**